

23/01/1998

Kredit negara cukup: Mahathir

KUALA LUMPUR, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, negara mempunyai kemudahan kredit yang mencukupi berjumlah RM490 bilion bagi membiayai pelbagai kegiatan tahun ini.

Serentak itu beliau menafikan negara mengalami kekurangan kredit, sebaliknya memberitahu ada salah faham menyebabkan sesetengah pihak tidak mendapat pinjaman wang yang diperlukan.

Sehubungan itu, pihak bank akan diarah supaya memberi penjelasan kepada pelanggan yang membuat permohonan kredit serta kedudukan sektor mereka yang sesetengah peminjam sendiri keliru.

Beliau berkata, soal kredit itu dibincangkan secara mendalam pada mesyuarat pertama Majlis Tindakan Ekonomi Negara (NEAC) selama tiga jam di Unit Perancang Ekonomi (EPU), hari ini.

Bercakap pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat itu, Perdana Menteri berkata: "Kita tumpukan pada taklimat berkenaan kedudukan ekonomi dan kita cuba kenal pasti masalah besar yang dihadapi. Untuk ini, kita beri tumpuan kepada soal kredit, perniagaan dan cara untuk mengadakan cukup kredit.

"Sebenarnya kita tidak kekurangan wang, tetapi ada salah faham yang menyebabkan setengah pihak tidak dapat pinjaman wang yang diperlukan. Jadi kita buat cadangan bagaimana untuk selesaikan masalah ini," katanya.

NEAC yang dipengerusikan oleh Dr Mahathir mempunyai 23 anggota, termasuk Datuk Seri Anwar Ibrahim selaku timbalan pengerusi dan Tun Daim Zainuddin selaku pengarah eksekutif.

Selain sembilan menteri Kabinet, NEAC dianggotai wakil dewan perniagaan, industri, gerakan pengguna serta kesatuan sekerja. Turut hadir dalam mesyuarat itu ialah Menteri Besar serta Ketua Menteri.

Dr Mahathir berkata, adalah menjadi tugas kerajaan untuk membantu sektor swasta dan memberi galakan kepada syarikat yang menunjukkan keupayaan untuk berdaya maju.

"Jika ada pihak yang datang dan beritahu mereka hendak membuat duit, mereka tak akan dapat tetapi jika mereka tunjukkan yang mereka boleh buat sesuatu tetapi mempunyai masalah seperti masalah birokrasi, kita bantu menyelesaikan sedikit sebanyak masalah mereka. Ini adalah tanggungjawab kerajaan.

"Apabila mata wang terjejas, cukai perniagaan akan berkurangan dan kita tidak nampak mengapa kita perlu biarkan ini berlaku. Ini bukan soal kita menjamin mereka apabila mereka melakukan kesalahan. Jika mereka tidak boleh mendapatkan kemudahan kewangan, mereka terpaksa mengkaji semula syarikat mereka.

"Kita tidak nampak mengapa kita perlu menafikan hak mereka mendapat bantuan kewangan sedangkan mereka mempunyai hak untuk mendapatkannya," katanya.

(END)